

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	07 MAY 2017

BETR 2.0

Transformasi lonjak prestasi Bumiputera

BH - 7/5/2017



➔ Inisiatif perkukuh penyertaan dalam ekonomi negara

Najib meneliti buku Halatujau Transformasi Ekonomi Bumiputera 2.0 bersama Timbalannya, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan dan Pegawai Eksekutif Unit Peneraju Agenda Bumiputra (TERAJU), Datuk Husni Salleh selepas Majlis Pelancaran BETR 2.0 di Kuala Lumpur.

➔ Kuala Lumpur

Inisiatif Halatujau Transformasi Ekonomi Bumiputera (BETR) yang dimulakan pada 2011, kini memasuki fasa kedua dari tahun 2017 sehingga tahun 2025, yakni sekitar lapan tahun dari sekarang dengan pelancaran BETR 2.0 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, 19 April lalu.

BETR pertama yang juga dilancarkan Perdana Menteri pada 2011, yang mempunyai dua matlamat penting iaitu pertama, memperkukuhkan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi



negara melalui penciptaan kekayaan dan keduanya, penyertaan seimbang dalam guna tenaga bidang bernilai tinggi serta pembangunan keusahawanan.

Fasa Pertama inisiatif Bumiputera di bawah Dasar Transformasi Nasional (DTN) ini, antaranya lahirah inisiatif Syarikat Bumiputera Berprestasi Tinggi atau TERAS, Dana Mudah Cara dan Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera.

Di bawah program TERAS, Kerajaan mewujudkan Dana TERAS bercagangkan RM332 juta menarik penyertaan lima institusi kewangan



TERAS

→ **1,014** syarikat Bumiputera sertai Program TERAS
→ **11,962** orang mendapat pembiayaan YPPB

yang memberi serta menggandakan kemudahan pembiayaan kepada RM3.14 bilion.

Sehingga Mac 2017, 306 syarikat TERAS menerima kelulusan pembiayaan bagi pembelian aset dan modal kerja bernilai RM1.3 bilion.

Dana Mudahcara adalah insentif menggalakkan pelaburan swasta Bumiputera yang mana 469 projek mendapat kelulusan pembiayaan.

Hasilnya, syarikat Bumiputera membuat pelaburan domestik bernilai RM13.18 bilion sekali gus mewujudkan lebih 43,000 peluang pekerjaan.